



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**PEMILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN ANAK
KACUKAN MELANAU-IBAN DI SARAWAK**

**NURUL NABILA BINTI ABDUL RAHMAN
(62266)**

**Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Universiti Malaysia Sarawak**

2020

**PEMILIHAN BAHASA DALAM KALANGAN ANAK KACUKAN MELANAU-IBAN
DI SARAWAK**

oleh

**NURUL NABILA BINTI ABDUL RAHMAN
(62266)**

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak

2020

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan (!)

Projek Tahun Akhir	<input checked="" type="checkbox"/>
Sarjana	<input type="checkbox"/>
PhD	<input type="checkbox"/>

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada 26 Julai 2020 bersamaan hari Ahad.

Pengakuan Pelajar:

Saya Nurul Nabila Binti Abdul Rahman, bernombor matrik 62266 dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk "Pemilihan Bahasa Dalam Kalangan Anak Kacukan Melanau-Iban Di Sarawak" adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

27 Julai 2020

NURUL NABILA BINTI ABDUL RAHMAN
(62266)

Tarikh serahan

Nama pelajar (No.matrik)

Pengesahan Penyelia:

Saya Dr. Rokiah Binti Pae dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk "Pemilihan Bahasa Dalam Kalangan Anak Kacukan Melanau-Iban Di Sarawak" telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi sebagai memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan Kepujian dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: Dr. Rokiah Binti Pae

Tarikh: 27 Julai 2020

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

(27 Julai 2020)

(27 Julai 2020)

Alamat semasa pelajar

668A Kg. Pengkalan Maras, Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu, Terengganu.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

PENGHARGAAN

Dengan ucapan ‘Alhamdulillah’ saya ingin menzahirkan rasa syukur di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT atas kesempatan waktu dan izinNya, saya dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya. Menyedari hakikat bahawa semasa hendak menyiapkan projek ini, negara telah dilanda pandemik Covid-19, justeru itu saya amat terhutang budi kepada banyak pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang banyak membantu dan menyokong saya sepanjang menyiapkan kajian ini.

Pertama sekali, penghargaan yang ikhlas ditujukan kepada penyelia, Dr. Rokiah binti Pae yang sentiasa mengambil berat mengenai kajian yang dilakukan oleh saya supaya ianya berada di landasan yang betul. Saya sangat berterima kasih di atas waktu yang telah diluahkan oleh Dr Rokiah dalam memperbetulkan setiap kesalahan yang dilakukan oleh saya bermula dari *defence proposal*, *result presentation* dan seterusnya sehinggalah kajian ini selesai.

Keduanya, terima kasih diucapkan kepada kesemua responden kajian ini yang banyak membantu saya. Mereka ini adalah penyumbang terbesar kerana membenarkan saya menghubungi mereka pada bila-bila masa sahaja disebabkan halangan untuk bersua muka secara *face to face*.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaysia Sarawak terutamanya Hazlin Jolin yang sentiasa bertanya “*macam mana fyp?*”, “*dah siap ke fyp?*”. Mereka adalah *support system* yang paling berjasa bagi menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu bapa, Abdul Rahman bin Salleh @ Razak dan Noaishah binti Mohamad yang sentiasa yakin dan percaya dengan kebolehan anaknya ini.

Semoga Allah SWT memberkati kalian semua.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa anak kacukan Melanau-Iban di Sarawak berkaitan interaksi sosial dan faktor yang mempengaruhi mereka untuk memilih bahasa tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif untuk mencapai dua objektif utama. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mencapai objektif satu (1) iaitu mengenal pasti bahasa yang digunakan dalam interaksi sosial dan telah menggunakan kaedah 'snowball sampling' serta menganalisisnya dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Manakala kaedah kualitatif pula digunakan untuk mencapai objektif kedua (2) iaitu faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa anak kacukan. Pengkaji telah menemu bual responden dan menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan seramai 7 (46.7%) menggunakan bahasa Melanau ketika berkomunikasi dengan ibu, 6 (40%) memilih menggunakan bahasa Iban dengan bapa, 8 (53.3%) menggunakan bahasa Melanau dengan keluarga ibu, 8 (53.3%) menggunakan bahasa Iban dengan keluarga bapa dan 6 (40%) menggunakan bahasa Melanau untuk berkomunikasi dengan adik-beradik mereka. Selain itu, data juga menunjukkan bahawa anak kacukan Melanau-Iban telah dipengaruhi oleh faktor persekitaran, bahasa dominan dan penghijrahan dalam membuat pemilihan bahasa yang digunakan mereka. Kajian ini diharap dapat memberi perspektif baharu dalam bidang kajian pemilihan bahasa anak kacukan Melanau-Iban di Sarawak.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the language selection of Melanau-Iban student in Sarawak related to their social interactions and factors that influence their language selection. This study was used to mix method for achieve two main objectives. To achieve the first objective (quantitative), the researcher has used the method of snowball sampling and analyzed it in the form of frequency and percentage to identify the language used in social interaction. For the second objective (qualitative), the researcher has interviewed which is the factor that influences the choice of student language. Researchers interviewed respondents and analyzed data using thematic methods. Findings for the first objective showed that 7 (46.7%) use Melanau language when communicating with mother, 6 (40%) choose to use Iban language with father, 8 (53.3%) use Melanau language to mother side family, 8 (53.3%) use Iban language with father's side family and 6 (40%) use Melanau language to communicate with their siblings. For the second objective, the data show that Melanau-Iban children have been influenced by environmental factors, dominant language and migration in making the choice of the language they use. This study is expected to provide a new perspective in the research area of the language selection of Melanau-Iban child in Sarawak.

JADUAL KANDUNGAN

Bab		Muka Surat
	PENAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA	iii
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
1	PENGENALAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang kajian	1
	1.2 Penyataan masalah	3
	1.3 Objektif kajian	5
	1.4 Persoalan kajian	5
	1.5 Kepentingan kajian	5
	1.6 Definisi operasi terma	5
	1.6.1 Anak kacukan Melanau-Iban	5
	1.6.2 Interaksi sosial	6
	1.6.3 Domain Keluarga	7
	1.6.4 Domain Rakan	7
	1.6.5 Pemilihan bahasa	8
	1.7 Batasan kajian	8
	1.8 Rumusan bab	8
2	SOROTAN KAJIAN	
	2.0 Pengenalan	9

2.1	Pemilihan bahasa	9
2.2	Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa	12
2.2	Rumusan bab	14
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	15
3.1	Rekabentuk kajian	15
3.2	Populasi dan sampel kajian	15
3.3	Instrumen	17
3.4	Proses pengumpulan data	20
3.5	Prosedur analisis data	20
3.6	Rumusan bab	20
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
4.0	Pengenalan	21
4.1	Pemilihan bahasa	22
	4.1.1 Domain Keluarga	22
	4.1.2 Domain Rakan	26
4.2	Faktor pemilihan bahasa	27
4.3	Perbincangan	31
4.4	Rumusan bab	32
5	KESIMPULAN	
5.0	Pengenalan	33
5.1	Rumusan dapatan kajian	33
5.2	Limitasi kajian	34
5.3	Implikasi kajian	34
5.4	Cadangan untuk kajian akan datang	35

5.5	Rumusan bab	35
	Rujukan	36
	Lampiran	39

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Karekteristik demografik responden	16
2	Jumlah item borang soal selidik	18
3	Borang soal selidik pemilihan bahasa	18
4	Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan Melanau-Iban	19
5	Cara analisis data borang soal selidik dan temu bual	21
6	Pemilihan Bahasa anak kacukan Melanau-Iban dalam kalangan anggota keluarga	24
7	Pemilihan Bahasa anak kacukan Melanau-Iban (ibu-Iban, bapa-Melanau) & (ibu-Melanau, bapa-Iban)	25
8	Pemilihan Bahasa anak kacukan Melanau-Iban dengan rakan-rakan	27
9	Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden untuk mencapai objektif kedua	30
10	Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden.	31

SENARAI SINGKATAN

BAB	Bahasa adik beradik
BB	Bahasa bapa
BI	Bahasa ibu
BKB	Bahasa keluarga bapa
BKI	Bahasa keluarga ibu
DMS	Dialek Melayu Sarawak
DMS + IBN	Dialek Melayu Sarawak + Iban
DMS + MLN + IBN	Dialek Melayu Sarawak + Melanau + Iban
Eng.	English
IBN	Iban
MLN	Melanau
MLN + IBN	Melanau + Iban
RI	Rakan Iban
RL	Rakan Lain
RM	Rakan Melanau
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi terma utama dan limitasi kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Fishman (1972), pemilihan bahasa terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa digunakan dalam sesuatu komuniti. Komuniti terdiri daripada pelbagai latar belakang keturunan, bahasa ibunda, budaya dan cara hidup. Menurut Fishman (1972) dan Holmes (2001), anggota komuniti akan memilih satu bahasa yang perlu digunakan sebagai bahasa perhubungan antara mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Pemilihan bahasa ialah sebagai '*act of identity*', di mana pemilihan bahasa oleh seseorang dapat menunjukkan sama ada penutur tersebut ingin melibatkan diri atau pihak lain dalam sesuatu komuniti pertuturan (*speech community*) atau tidak (Romaine, 1994). Pemilihan bahasa merupakan isu yang rumit, di mana terdapat pelbagai faktor kompleks yang boleh mempengaruhi pemilihan bahasa dalam sesuatu komuniti pertuturan (Lim, 2008).

Kajian mengenai pemilihan bahasa mengambil kira penggunaan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Seseorang itu akan memilih satu bahasa sahaja untuk digunakan antara banyak bahasa yang lain sebagai bahasa perhubungan utama antara mereka. Sekiranya komunikasi antara seseorang dengan mereka yang berlainan bahasa ibunda dan menggunakan bahasa yang tidak difahami bersama atau bahasa yang tidak biasa dipilih antara masyarakat berkenaan, ia akan menyebabkan komunikasi seseorang itu menjadi tidak lancar,

kurang jelas dan berlaku masalah untuk menyampaikan apa-apa maklumat kepada pendengar atau interkoluter (Fishman, 1991).

Dalam proses pemilihan bahasa anak kacukan, perkahwinan campur antara ibu dan bapa mereka merupakan salah satu di antara penyebabnya. Menurut Mis (2012), kahwin campur merujuk kepada perkahwinan yang berlainan latar belakang, suku, agama, budaya, kewarganegaraan, bahasa dan sebagainya. Secara tidak langsung, kahwin campur dapat menyumbang kepada semangat perpaduan antara pasangan yang berkahwin dan juga ahli keluarga mereka untuk lebih memahami, menghormati, bertoleransi dengan adat dan cara hidup, makanan, budaya, agama, bahasa, perayaan dan sebagainya. Selain itu Gill (2001) menyatakan bahawa kahwin campur juga dapat menjalin dan mengekalkan jaringan sosial yang bermula dengan keluarga dan seterusnya kepada masyarakat.

Menurut Mis (2012), anak-anak semestinya mempunyai pilihan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa perhubungan untuk berinteraksi sama ada ketika bersama ibu bapa, keluarga, dan rakan-rakan. Pemilihan bahasa yang sesuai pastinya akan memudahkan anak-anak untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai perkara yang lain seperti perbezaan bahasa, agama, perayaan dan sebagainya yang berlaku dalam keluarga ibu bapa mereka. Pemilihan bahasa wujud secara sengaja atau tidak sedar. Beliau juga menyatakan bahawa penutur mungkin memilih bahasa yang difahami bersama untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan dan perantaraan. Bahasa-bahasa yang dipilih merupakan bahasa-bahasa yang telah biasa digunakan dalam kehidupan seharian dan yang paling penting ialah saling difahami.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam masyarakat pelbagai etnik seperti di Sarawak, keluarga di mana kedua-dua ibu dan bapanya dari komuniti pertuturan yang berbeza, pastinya menghadapi cabaran untuk

menentukan satu dasar bahasa yang berkesan untuk mereka. Menurut Spolsky (2005), *“language policy that would work best for them, which includes not just the regular patterns of choice , but also beliefs about choices and the values of varieties and variants, and, most saliently, the efforts made by some to change the choice and beliefs of others”* (hlm. 2152).

Menurut Norazuna (2010), setiap suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak perlu berhubung dan berkomunikasi antara mereka setiap hari. Maka, mereka pastinya mempunyai satu bahasa yang dipilih untuk digunakan dalam perhubungan mereka. Menurut Mis (2012), dalam masyarakat yang anggotanya terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti ini, komunikasi harian mereka telah membawa kepada kemungkinan masyarakat tersebut membuat pemilihan bahasa untuk digunakan antara mereka. Bahasa yang dipilih itu mestilah bahasa yang difahami bersama, paling meluas digunakan dan menjadi milik salah satu suku kaum itu.

Beberapa kajian lepas hanya memfokuskan kepada pemilihan bahasa pasangan kahwin campur seperti kajian Sino-Indian (David, 2008), pasangan kahwin campur di Sarawak (Mis, 2012), dan keluarga pasangan Filipino-Malaysia (David, Dumanig, & Thilagavathi, 2013). Manakala kajian berkaitan mahasiswa (Mehdi, 2017) pula hanya melihat kepada bahasa pilihan mahasiswa tetapi tidak melihat kepada faktor pemilihan bahasa. Elias (2008) menyatakan bahawa dalam masyarakat yang berbilang bangsa, ahli kumpulan etnik akan bercakap menggunakan bahasa pribumi mereka dalam komuniti ucapan mereka.

Kajian pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan berlainan etnik di negeri Sarawak dilihat masih belum banyak dikaji dan didokumentasi.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan Melanau-Iban di Sarawak.

Dua objektif utama dalam kajian ini:

1. Mengetahui bahasa yang digunakan oleh anak kacukan Melanau-Iban dalam interaksi sosial.
2. Mengetahui faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan Melanau-Iban dalam interaksi sosial.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mendapatkan jawapan yang menjawab objektif-objektif kajian yang telah disenaraikan, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan berikut:

1. Apakah bahasa yang digunakan oleh anak kacukan Melanau-Iban dalam interaksi sosial?
2. Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa anak kacukan Melanau-Iban dalam interaksi sosial?

1.5 Kepentingan Kajian

Kebanyakan kajian terdahulu banyak merungkai kepada pemilihan bahasa dalam kalangan pasangan kahwin campur seperti kajian Mis (2012). Namun, kajian ini pula khusus untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur.

Oleh itu, praktikaliti kajian ini dapat menyumbang kepada hasil kajian pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan dan menambah baik kajian-kajian terdahulu berkaitan bidang pemilihan bahasa (*language choice*) dengan mengisi kelompangan iaitu memfokuskan kepada anak kacukan Melanau-Iban. Selain itu, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada kajian yang menyebabkan terjadinya faktor pemilihan bahasa dalam kalangan anak kacukan. Kajian ini juga diharap dapat membantu pengkaji-pengkaji yang melakukan rangka kerja mengenai pemilihan bahasa dalam mana-mana kajian sosiolinguistik.

1. 6 Definisi operasi terma

1.6.1 Anak kacukan Melanau-Iban

Anak kacukan Melanau-Iban merupakan anak daripada proses perkahwinan campur antara ibu dan bapanya sama ada ibunya beretnik Melanau dan bapanya beretnik Iban atau sebaliknya. Etnik Melanau merupakan kaum minoriti di negeri Sarawak. Menurut statistik bancian 2010, etnik Melanau merupakan suku kaum kelima terbesar di Sarawak dengan peratusan 5% iaitu sebanyak 123,410 orang. Kebanyakan mereka beragama Islam dan Kristian. Nama Milanowes, Milanos, Melano yang merujuk pada kaum Melanau telah banyak kali berubah dan akhirnya bersepatat untuk menerima nama Melanau. Menurut Ibtisam, Mazlan, Munirah, Nozira, Tengku Intan, dan Zaimuariffudin (2014), bagi orang Melanau sendiri, mereka lebih suka menggelarkan kaum mereka sebagai *a liko*. *A liko* boleh ditafsirkan dengan pelbagai makna seperti merujuk kepada petempatan penduduk. Sekiranya ditinjau secara lebih meluas, *a liko* bermaksud “dunia” dan “peribumi”. Menurut Amir (2019), kemerosotan pertumbuhan yang konsisten dan stabil di kalangan penduduk Melanau agak ketara menjelang alaf baharu berpunca daripada perkahwinan campur yang semakin pesat dan lebih banyak orang Melanau memeluk agama Islam dan dikategorikan sebagai

Melayu. Kaum Melanau terdapat di 9 bahagian di kawasan Sarawak iaitu di bahagian Oya, Mukah, Dalat, Igan, Matu-Daro, Belawai-Rajang, Ba'ie (Bintulu), Balingian dan Miri.

Manakala orang Iban pula merupakan salah satu rumpun Dayak yang terdapat di Sarawak, Kalimantan Barat Brunei, Sabah dan Johor. Merujuk Kamus Dewan (2010), kata Iban bermaksud suku kaum peribumi yang terbesar di Sarawak, yang tinggal di merata daerah (terutamanya di Miri, Bintulu, Sibul, Kapit dan Kuching) dan juga dikenali sebagai Dayak Laut. Di Malaysia, kaum terbesar selepas kaum Melayu dan Cina adalah kaum Iban. Statistik jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik di Sarawak 2010 menunjukkan seramai 693,358 terdiri daripada etnik Iban (Buku tahunan perangkaan Sarawak, 2010). Masyarakat Iban kebiasaannya tinggal berkelompok di rumah panjang dan agama Kristian merupakan pegangan utama dalam hidup mereka.

1.6.2 Interaksi sosial

Bonner (dalam Gerungan, 2004) mendefinisikan interaksi sosial sebagai suatu hubungan antara dua individu atau lebih yang saling mempengaruhi, mengubah atau memperbaiki kelakuan individu lain atau sebaliknya. Interaksi sosial merupakan satu proses tindakan yang didasari oleh kesedaran bahawa adanya orang lain dan berlakunya proses tindak balas terhadap tindakan orang lain (Selzic, 1961). Menurut Vellymalay (2014), interaksi tidak akan berlaku tanpa hubungan antara dua individu atau lebih. Hubungan yang positif akan memperlihatkan interaksi yang positif antara individu dan begitu juga sebaliknya. Murdiyatatmoko dan Handayani (2004) (dalam Ritnonga dan Tarigan, 2011) menyatakan bahawa interaksi sosial adalah hubungan manusia menghasilkan suatu proses pengaruhnya yang menghasilkan hubungan tetap dan akhirnya memungkinkan pembentukan struktur sosial.

Dalam kajian ini, interaksi sosial dibataskan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan responden sahaja. Interaksi sosial diukur dengan menggunakan borang soal selidik yang terbahagi kepada dua domain iaitu domain keluarga dan domain rakan.

1.6.3 Domain keluarga

Menurut Zainal Abidin (2011), kekeluargaan merupakan kelompok masyarakat yang diikat atas tali persaudaraan dan mempunyai hubungan warisan yang kuat. Menurut Kamus Dewan (2005), keluarga terbahagi kepada empat iaitu 1) *kaum* ~ saudara - mara, kaum kerabat, sanak saudara, *sedarah* ~ sekalian orang yang mempunyai perhubungan keturunan antara satu sama lain (sama nenek moyang mereka), *semenda* ~ sekalian orang yang bertalian (menjadi sanak saudara) kerana perkahwinan. 2) seisi rumah tangga (yang terdiri daripada suami dan isteri atau berserta anak-anak), kelamin, famili. 3) saudara (saudara angkat), 4) kelas hidup-hidupan, famili.

1.6.4 Domain rakan

Rakan merupakan 1) sahabat, handai, taulan, teman (sepermainan, sekerja, dll): *kanak-kanak yang menjadi ~ sepermainan anaknya*; 2) kawan dalam sebuah perkongsian (persatuan, persekutuan, jabatan, dll) atau sesuatu kegiatan: *~sejawat; ~niaga; ~kongsi* orang yang menjadi ahli dalam dalam sesuatu perkongsian (bukan perniagaan dsb) (Kamus Dewan, 2005). Rakan sebaya merupakan satu kumpulan yang sama dari segi umur, pendidikan, kelas sosial dan juga minat.

1.6.5 Pemilihan bahasa

Menurut Fishman (1965), pemilihan bahasa berlaku apabila pengucap memilih bahasa apa yang akan digunakannya seperti 'siapa yang bercakap', 'bahasa apa yang digunakan' dan bila ia digunakan'. Menurut Fishmana dan Ervin-Tripps (1972), pemilihan bahasa juga boleh berlaku dalam masyarakat yang pelbagai bahasa walaupun tidak semestinya mereka berkahwin campur.

Dalam kajian ini pengkaji melihat pemilihan bahasa yang digunakan oleh anak kacukan Melanau-Iban dalam interaksi sosial seharian mereka.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pemilihan bahasa dan faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam interaksi sosial anak kacukan Melanau-Iban di Sarawak khususnya. Interaksi sosial dalam kajian ini hanya melihat kepada responden ketika bersama ahli keluarga dan rakan-rakan sahaja. Responden kajian ini merupakan pelajar-pelajar yang menuntut di Unversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sahaja.

1.8 Rumusan bab

Bab ini telah menerangkan dengan khusus mengenai pemilihan bahasa dan maklumat yang diperlukan untuk kajian ini seperti objektif dalam menyelesaikan masalah dan persoalan kajian. Selain itu, kajian ini diharap dapat digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam melihat pemilihan bahasa kalangan anak kacukan Melanau-Iban di Sarawak.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan sorotan daripada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Oleh itu, kajian yang terdahulu akan menjadi panduan kepada penulisan ini.

2.1 Pemilihan bahasa

Menurut Brown dan Attardo (2000), kebanyakan manusia di dunia boleh bertutur melebihi satu bahasa. Oleh itu, Gupta (2010) menyatakan bahawa seorang anak berupaya menguasai banyak bahasa sekiranya orang dewasa yang berada disekelilingnya kerap menggunakan lebih daripada satu bahasa. Namun, menurut Fishman (1972) dan Ervin - Tripps (1972), pemilihan bahasa juga boleh berlaku dalam masyarakat yang pelbagai bahasa walaupun tidak semestinya mereka berkahwin campur. Setiap orang dari suku kaum yang berbeza latar belakang akan berhubung antara satu sama lain dengan memilih satu atau lebih bahasa perhubungan, apatah lagi sekiranya mereka merupakan pasangan suami isteri yang berlainan suku kaum.

Wahid dan Daud (2019) melalui kajian jurnal mereka mendapati bahawa dari segi peratusan pemerolehan dialek responden, seramai 20% responden memilih untuk menggunakan dialek sebelah bapa, 47% responden memilih menggunakan dialek di sebelah ibu mereka dan 33% responden lagi menuturkan kedua-dua dialek yang dipertuturkan oleh ibu bapa mereka. Pemerolehan bahasa atau dialek merupakan proses perkembangan bahasa

manusia. Menurut Tay (2016), lazimnya pemerolehan bahasa atau dialek pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak manakala pemerolehan bahasa kedua bertumpu kepada perkembangan bahasa orang dewasa. Perkembangan bahasa atau dialek bermaksud pemerolehan bahasa ibunda seseorang kanak-kanak.

Kudin dan Harun (2017) meneliti masyarakat bahasa Orang Asli Semai yang terdapat di perkampungan Semai di daerah Batang Padang, Tapah, Perak dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pemilihan bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan yang digunakan dalam situasi tertentu. Manakala bahasa ibunda pula sangat penting dan sikap kesetiaan terhadap bahasa mereka sangat menebal sehingga membuatkan bahasa Semai tersebut semakin berkembang. Kajian ini turut disokong oleh Makhtar, Yusop & Zailani dalam kajian mereka pada tahun 2019 bahawa masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai masih lagi meletakkan bahasa Semai sebagai bahasa utama dalam komunikasi.

Dalam kajian Sa'adiah (2014) mengenai pemilihan bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong dengan menggunakan tiga kaedah dalam proses pengumpulan data iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Che Wong sangat kuat dengan bahasa dan budaya mereka. Dapatan kajian mendapati bahawa dari segi domain keluarga, masyarakat Orang Asli suku kaum Che Wong masih mengekalkan penggunaan bahasa mereka berbanding bahasa lain. Dari segi pemilihan bahasa semasa berinteraksi dengan jiran dan kawan didapati bahawa 38 orang daripada 40 orang jumlah responden menggunakan bahasa Che Wong dalam interaksi sesama jiran. Meskipun terdapat percampuran bahasa Che Wong dan bahasa Melayu dalam interaksi masyarakat mereka, namun bahasa Che Wong masih lagi menjadi bahasa utama mereka.

Awal, Jaafar, Lateh dan Mis (2014) dalam kajian pola pemilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam kajian mereka mendapati bahawa corak bahasa yang digunakan dalam domain rumah adalah dialek Kelantan (90.49%) dan Melayu Pattani (55.04%). Kajian tersebut menemukan dialek Kelantan telah digunakan di Rantau Panjang dan dialek Melayu Pattani tidak digunakan sama sekali. Corak ini juga muncul di sempadan Golok apabila responden di sempadan tersebut mengandaikan bahawa dialek Kelantan adalah sama dengan dialek Melayu Pattani. Ketika di luar rumah dan berborak dengan rakan-rakan, bahasa yang paling dominan ialah dialek Kelantan (78.40%) diikuti dialek Melayu Pattani (53.41%). Berdasarkan dapatan yang diperoleh, mereka menyatakan bahawa terdapat dua jenis bahasa yang muncul dalam kalangan masyarakat di sempadan Malaysia-Thailand iaitu dialek Kelantan dan dialek Melayu Pattani.

Fishman dan Greenfield (1970) menjelaskan bahawa pemilihan bahasa terdiri daripada lima domain iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain pendidikan, domain pekerjaan dan domain keagamaan. Kajian tersebut mendapati bahawa domain kekeluargaan dan persahabatan dalam pemilihan bahasa Sepanyol adalah untuk memupuk nilai-nilai mesra. Manakala domain keagamaan, pendidikan dan pekerjaan pula dalam pemilihan bahasa Inggeris adalah disebabkan nilai-nilai yang berkenaan dengan status. Hasil kajian mendapati responden menggunakan bahasa Sepanyol dalam keadaan/situasi yang kurang formal seperti dalam domain kekeluargaan dan persahabatan. Bahasa Inggeris pula digunakan dalam situasi yang lebih formal dan melibatkan kedudukan seseorang.

2.2 Faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa

Evin-Tripp (1972) mengidentifikasi empat faktor utama sebagai penanda pemilihan bahasa penutur dalam interaksi sosial iaitu (1) latar (waktu dan tempat) dan situasi; (2) ahli dalam interaksi, (3) topik percakapan dan (4) fungsi interaksi. Faktor pertama merangkumi perkara seperti makan pagi bersama keluarga, mesyuarat dalam kalangan ahli kampung, di dalam bilik kuliah dan aktiviti tawar-menawar di pasar. Faktor kedua pula mencakupi hal-hal seperti usia, jenis kelamin, pekerjaan, status sosial ekonomi dan peranannya dalam hubungan dengan rakan kongsi ucapan. Hubungan dengan rakan kongsi ucapan berupa hubungan akrab dan berjarak. Faktor ketiga mengenai topik pekerjaan, kejayaan anak-anak, peristiwa-peristiwa yang berlaku dan topik harga barang di pasaran. Faktor keempat ialah fungsi interaksi seperti membuat penawaran, menyampaikan maklumat, permohonan, kebiasaan rutin seperti memberi salam, meminta maaf atau mengucapkan terima kasih.

Bertetapan dengan kenyataan Evin-Tripp, Groesjean (1982) turut mengemukakan empat faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam interaksi sosial iaitu (1) ahli dalam interaksi, (2) situasi, (3) isi wacana dan (4) fungsi interaksi. Faktor situasi membawa kepada (1) lokasi atau latar, (2) kehadiran pengucap monolingual, (3) tahap formaliti dan (4) tahap keakraban. Faktor isi wacana membawa kepada (1) topik percakapan dan (2) jenis kosa kata. Faktor fungsi interaksi merangkumi aspek (1) menaikkan status, (2) mencipta jarak sosial, (3) melarang masuk atau mengeluarkan seseorang dari topik percakapan dan (4) memerintah atau meminta. Menurut Lim (2008), kajian terhadap pemilihan bahasa biasanya berhubung kait dengan faktor sosial atau fenomena bahasa yang lain seperti etnik, multilingual, penukaran kod, pengekalan dan pemindahan bahasa, gender dan umur, solidariti dan kuasa.